



# SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2014/06/48 (HQ)

## **STESEN JANAKUASA MANJUNG 4, MILIK TNB BAKAL BEROPERASI LEBIH AWAL**

Stesen Janakuasa arang batu Manjung 4, yang sedang dibina Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Manjung, Lumut, Perak bakal beroperasi lebih awal dari perancangan.

Ahli-Ahli Lembaga Pengarah TNB yang mengadakan lawatan kerja sehari ke Stesen Janakuasa Sultan Azlan Shah Manjung (SJSAS) Khamis lalu dimaklumkan bahawa Manjung 4 dijangka mula beroperasi awal Ogos 2014, berbanding jadual asal 31 Ogos, 2014.

Rombongan lembaga pengarah itu berkesempatan melawat secara dekat tpembinaan projek Manjung 4 yang kini 98% siap dibina.

Mereka telah diberikan taklimat operasi stesen oleh Pengarah Urusan TNB Janamanjung, Haji Shamsul Ahmad dan taklimat status terkini pembinaan oleh Pengarah Projek Manjung 4 & 5, Haji Ahmad Faraid Mohd Yahaya.

Dibangunkan di atas pulau buatan manusia yang sama bersebelahan SJSAS (sebuah stesen janakuasa arang batu berteknologi mesra alam dengan kapasiti 2,100 MW), Manjung 4 berkeupayaan menjana 1000MW. Pembinaannya bermula Mac 2011.

Tan Sri Leo Moggie, yang mengetuai rombongan ahli pengarah TNB yakin penambahan penjanaan kuasa elektrik sebanyak 1000MW menerusi stesen janakuasa baru ini akan dapat meningkatkan kestabilan pembekalan elektrik negara.

Beliau turut melahirkan rasa bangga dengan pencapaian pasukan projek ini kerana berjaya menyiapkan projek penting sebegini dalam masa lebih awal daripada yang telah ditetapkan.

"TNB sememangnya mempunyai kepakaran serta kebolehan yang tinggi serta mampu melaksanakan pembinaan infrastuktur mega bagi pembangunan negara," katanya.

Tan Sri Leo Moggie turut merasmikan simulator 1000MW bernilai RM15 juta ketika lawatan tersebut. Simulator ini adalah sebuah makmal latihan simulasi pengoperasian stesen janakuasa baru tersebut.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur, pada 20 Jun 2014**

*Untuk sebarang pertanyaan lanjut media, sila hubungi Md. Derus Bunchit di talian 019-266 2296 / Maizatul Nadiah 017-381 6602*